

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
WANG KOPERASI SERBAGUNA PEGEMAS BERHAD DAN
BAYARAN / MENGELUARKAN ZAKAT**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima surat daripada Tuan Haji Baharain bin Mohd Lazim, Setiausaha Kehormat Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad bertarikh 9 Mac 1993 yang mengemukakan permasalahan berkenaan dengan :

1. Wang Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad
2. Bayaran/Mengeluarkan Zakat

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang muktabar dan mengambil keputusan seperti berikut :

" Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan yang diadakan pada 26 Rabiul Akhir 1414 bersamaan 12 Oktober 1993 setelah mendengar taklimat/ penerangan yang diberikan oleh pengerusinya: Tuan Haji Zainal bin Sidek dan dibantu oleh Setiausaha Kehormat: Tuan Haji Baharain bin Mohd Lazim mengenai perkara di atas,

maka Jawatankuasa (ahli yang hadir) menimbangkan dengan sewajarnya bahawa harta dan wang yang dipunyai oleh "Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor" dahulu yang dipindah kepada "Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad" adalah sah dan halal digunakan kerana harta dan wang itu diperolehi daripada yuran-yuran ahli-ahli persatuan dan derma kebajikan sahaja.

Mengenai pengeluaran zakatnya, berdasarkan kepada keterangan yang diberikan dan juga hukum syara', apabila harta itu cukup syarat dan rukunnya, maka ia wajib dikeluarkan zakatnya, oleh itu koperasi ini tidak terkecuali daripada mengeluarkan zakatnya, mengikut zakat harta iaitu dengan 2.5 peratus.

Sehubungan dengan itu juga, Jawatankuasa ini ingin menasihatkan supaya peraturan/ undang-undang koperasi diubah sesuai mengikut hukum syarak, terutamanya dalam masalah penama kepada ahli atau harta pesaka "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir di persidangannya bertarikh 26 Rabiul Akhir 1414H bersamaan 12 Oktober 1993M bertempat di Bilik Gerakan, Jabatan Agama Islam Selangor.